

Tafsiran proses globalisasi berat sebelah perlu dikaji semula

UM 14 AUG 2003

EZULWINI (Swaziland) 13 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, tafsiran proses globalisasi yang dikritik hebat kerana bersifat berat sebelah, perlu dikaji semula dengan memasukkan formula 'menang-menang' yang mampu memakmurkan setiap negara dan menangani ketidaksamaan pembahagian kekayaan dunia.

Sambil menyifatkan penentangan golongan miskin terhadap negara-negara maju, sebahagiannya berpunca daripada jurang kekayaan, Perdana Menteri berkata, falsafah memakmurkan jiran harus diruncung oleh semua negara.

Sebagai permulaan, kata beliau, pendekatan perkongsian bestari perlu diamalkan di antara negara-negara miskin bagi membolehkan kumpulan negara

berkenaan mempunyai keupayaan menghadapi rejim ekonomi dunia.

Langkah itu disusuli harus dengan strategi perkongsian bestari dengan negara-negara kaya yang sebenarnya merupakan kumpulan negara kecil, jelas beliau.

Sambil menyifatkan perbezaan kekayaan sentiasa menyumbang kepada revolusi dan pertumpahan darah, Dr. Mahathir ketika menyampaikan ucapan pada Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (Global-SAID 2003) di sini malam ini menegaskan:

"Ini adalah cerita manusia. Ketidaksamaan sentiasa menjadi penyebab revolusi dan pertumbuhan darah. Tetapi pada kali ini ia tidak setakat di antara masyarakat ataupun di antara

negara. Ia akan berlaku di peringkat dunia.

"Dalam satu keadaan, ia sudah pun berlaku. Perang dunia akan datang bukan di antara negara-negara bersekutu.

"Ia akan berlaku membabitkan kelas, etnik minoriti yang kaya menentang negara-negara etnik majoriti yang miskin."

Dr. Mahathir memberitahu, kemungkinan andaian-andaian merupakan sesuatu yang pesimistik dan membimbangkan.

"Tetapi, meskipun canggih dari segi teknik risikan di negara-negara kuasa besar, tiada siapa yang menyedari tentang bakal serangan 11 September 2001," katanya.